

Kupang Port Dickson dicemari biotoksin, tak selamat dimakan

BH 05/04/24

MIS 22

Jabatan Perikanan nasihatkan orang ramai tidak memakan kerangan dalam tempoh 20 hari

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Jabatan Perikanan mengesahkan hasil analisis dilakukan ke atas kupang dan air di perairan Port Dickson, khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang, di sini dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

Timbalan Ketua Pengarah (Penurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, ia berdasarkan analisis dijalankan makmal Pusat Biosekuriti Perikanan di Kuala Lumpur.

"Analisis dijalankan mendapati terdapat alga berbahaya iaitu spesies *Prorocentrum*, *Alexandrium* dan *Pseudonitzschia* pada kupang yang diambil sampel di perairan Port Dickson.

"Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, sehingga kepadatan sel dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan," katanya ketika sidang media di Pusat Ikan Hiasan Port Dickson, semalam.

Pada masa sama beliau menyarankan orang ramai tidak mengambil kerangan seperti lala,



Pihak berkuasa mengambil sampel kupang dan kerang di Kampung Telok serta Sungai Sekawang, Port Dickson.
(Foto Ihsan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang)

kerang dan lokan di Port Dickson, selain tidak membentarkan ia dijual dan dipasarkan dalam pasaran awam.

Bagaimanapun, katanya makanan laut lain seperti ikan dan sotong di perairan berkenaan selamat dimakan.

Faktor cuaca panas

Dalam pada itu, Wan Muhammad Aznan berkata, pihaknya percaya mungkin cuaca panas antara faktor menyebabkan alga toksin ini merebak dan membiak dengan cepat.

Sehubungan itu, katanya dalam tempoh 20 hari ini orang ramai dinasihat tidak memakan kerang dan pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada 40 penternak kupang di Pasir Panjang untuk tidak mengeluarkan hasil kerang masing-masing.

Mengenai perkembangan terkini kes keracunan kerang, beliau berkata sembilan kes direkodkan dan terkini hanya seorang pesakit iaitu lelaki berusia lingkungan 70-an masih mendapatkan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Media sebelum ini melaporkan lapan individu dimasukkan ke hospital dengan dua daripadanya dirawat di ICU selepas mengalami keracunan akibat memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar daerah ini.

Siasatan awal mendapati kesemua kes terdiri daripada beberapa keluarga yang berbeza dan mempunyai sejarah memakan kupang yang dibeli dari dua pasar di sekitar Port Dickson.

Susulan itu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) mengambil sampel kupang dan air di perairan Port Dickson bagi mengetahui pasti punca kes keracunan makanan terbabit.